

MAHATHIR

1984

MERSING, 21 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA MEMAINKAN PERANAN PENTING UNTUK MENERAPKAN DI KALANGAN RAKYAT DASAR-DASAR BARU KERAJAAN KERANA IA MENGANDUNGI NILAI-NILAI BAIK.

+ TIAP SEORANG DARIPADA KX TA MEMPUNYAI PERANAN KERANA DASAR-DASAR TERSEBUT SECOCOK DENGAN A G A M A ISLAM+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TENGGAROH DI SINI.

TAMBAHNYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO PERLU MENJADI PELAPOR MENJAYAKAN RANCANGAN DI BAWAH DASAR-DASAR TERSEBUT KERANA UMNO MERUPAKAN PERTUBUHAN YANG MEMBIMBING MASYARAKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA ADALAH SANGAT PERLU DITEKANKAN PERKARA TERSEBUT KERANA CONTOHNYA TELAH ADA BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI NILAI-NILAI BAIK, BEGITU BERJAYA + KITA BOLEH MENIRU MEREKA SUPAYA RAKYAT KITA JUGA DAPAT MENIKMATI KEMAJUAN+, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SIKAP ITU MEMANG ADA PADA ORANG MELAYU DAN MENAMBAH +WALAU PUN ORANG MELAYU GOLONGAN LEMAH TETAPI KITA MASIH BOLEH BERTINDAK SEBAGAI YANG DITUNJUKKAN KETIKA WENENTANG MALAYAN UNION+.

MAHATHIR 2 MERSING

DALAM HAL INI, KATANYA, ORANG MELAYU KHASNYA UMNO PERLU MENUNJUKKAN TELADAN UNTUK MENJAGA IMEJ PARTI DAN NEGARA.

MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI, PERDANA MENTERI BERKATA SEMENTARA MENUNGGU EKONOMI PULIH, RAKYAT HENDAKLAH BERUSAHA TERUS UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN MASING-MASING KERANA PELUANG-PELUANG MEMANG ADA.

KATANYA DALAM SOAL ITU, UMNO JUGA DAPAT MENOLONG MEMBIMBING RAKYAT UNTUK MEMBUKA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECPL DAN KERAJAAN CULA DAPAT MEMBERI BANTUAN SEDIKIT SEBANYAK YANG BOLEH.

MENGENAI UMNO PADA KESELURUHANNYA, BELIAU BERKATA UMNO ADALAH SEBUAH PARTI YANG BERDISIPLIN KERANA DALAM BEBERAPA HAL SETIAP PEMIMPIN DAN ANGGOTA AKAN PATUH KEPADA KEPUTUSAN MAJORITI.

INI BERBEZA DENGAN KEADAAN YANG BERLAKU DALAM BEBERAPA BUAH NEGARA DI MANA KEPUTUSAN PRESIDEN KADANGKALA DITOLAK OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN DALAM PARTINYA SENDIRI.

TEGASNYA APA YANG PERLU DIAWASI OLEH UMNO IALAH JANCANLAH SAMPAI JIKA SETUJU DALAM SESUATU HAL BARU MENYOKONG DAN MEMBANTAH JIKA TIDAK SETUJU.

+ JIKA CARA INI DIAMALKAN MAKA UMNO YANG SELAMA INI DIHORMATI AKAN HANCUR+, KATANYA.

-- BERNAMA 1430/RS